

BAB KETIGA

METODOLOGI

Melalui bab ini, penulis akan memaparkan tentang cara-cara yang telah dijalankan oleh penulis untuk menyiapkan kertas projek ini, yang mana ia memerlukan metodologi yang tertentu.

Dalam erti kata yang sebenarnya, metode berasal dari perkataan Yunani "methode" yang bererti cara atau jalan.<sup>1</sup> Bila dikaitkan dengan latihan ilmiah, maka ia bererti masalah cara kerja atau cara kerja untuk dapat memahami objek yang menjadi sasaran penelitian.<sup>2</sup> "Logos" atau logi pula bererti ilmu. Oleh yang demikian, perkataan metodologi adalah bererti ilmu tentang cara untuk mengadakan penyelidikan.<sup>3</sup>

Dalam penelitian dan penulisan kertas projek ini, penulis telah

---

<sup>1</sup> Koentjaraningrat (Ed.), Metode-metode Penelitian Masyarakat, Penerbit P.T Gramedia, Jakarta: 1986, hal. 7

<sup>2</sup> ibid.

<sup>3</sup> Imam Barnadib, Arti dan Metode Sejarah Pendidikan, Yayasan Penerbitan AIP-IKIP, Yogyakarta, 1982, hal. 51

menggunakan beberapa metode. Metode-metode berkenaan adalah seperti berikut :-

1. Metode Pengumpulan Data
2. Metode Analisa Data / Penulisan

Dalam Bab Pertama , penulis telah memaparkan secara ringkas tentang metode-metode ini, tetapi untuk lebih jelas , penulis akan menerangkan satu persatu seperti di bawah :

#### 1. Metode Pengumpulan Data

Data merupakan satu aspek yang penting dalam usaha penulis menyiapkan kertas projek ini. Ia adalah satu punca yang asasi bagi penulis memulakan penelitian dan juga penulisan. Data-data yang diperolehi adalah meliputi dari sumber yang pertama dan juga sumber yang kedua. Oleh hal yang demikian, maka penulis bertindak menyandarkan sesuatu bahan yang dicatat di dalam kertas projek ini, kepada sumber-sumber tertentu, yang telah diteliti oleh penulis.

Metode pengumpulan data ini pula mempunyai beberapa bahagian.

Penulis akan menjelaskan bahagian-bahagian tersebut dengan menerangkan pengertiannya, dimanakah metode-metode berkenaan digunakan, prosedurnya dan juga sumber data yang telah digunakan.

#### a. Metode Historis

Ya. itu dengan cara membuat penyelidikan terhadap perkara-perkara yang mengandungi perspektif sejarah.<sup>4</sup> Metode historis ini penulis gunakan dalam usaha untuk mendapatkan data tentang latar belakang sejarah tempat kajian, iaitu di dalam Bab Pertama.

Untuk membolehkan penulis memperolehi data-data berbentuk historis ini, penulis telah melakukan beberapa kajian terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan, juga melalui wawancara-wawancara dengan para penduduk setempat dan beberapa orang pegawai serta pengkaji sejarah di tempat yang berkenaan.

#### b. Metode Dokumentasi

Iaitu dengan cara membuat penyelidikan terhadap perkara-per-

---

<sup>4</sup>Sidi Ghazalba, Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis, Pustaka Antara, Kuala Lumpur: 1981, hal. 77

kara atau dokumen-dokumen dan bahan-bahan bertulis, yang ada hubungannya dengan permasalahan yang dikaji.<sup>5</sup>

Dokumen adalah bererti bahan bertulis yang dapat memberikan berbagai keterangan.<sup>6</sup> Ianya meliputi kumpulan hukum, peraturan, gambar-gambar, potret-potret dan sebagainya. Dalam hal ini, penulis telah melakukan pemilihan yang teliti, hanya terhadap dokumen yang relevan sahaja, setelah dibuat perbandingan dan diolahkan dengan sebaik mungkin.

Dokumen-dokumen yang telah penulis gunakan termasuklah seperti Kitab Suci al-Quran dan juga Sunnah Rasulullah s.a.w., yang merupakan dua sumber utama bagi penulis. Di samping itu, penulis juga banyak merujuk kepada buku-buku, majalah-majalah, akhbar-akhbar dan bahan-bahan bertulis lain, yang difikirkan perlu.

Metode tersebut digunakan untuk mendapatkan bahan bagi :-

---

<sup>5</sup> Imam Barnadib, op.cit., hal.55

<sup>6</sup> Abdul Halim bin Mat Diah (Dr.), Satu Contoh Tentang Huraian Methodologi, Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur: 1987, hal.115

1. Latar belakang tempat kajian, di dalam Bab Pertama.
2. Definisi tajuk secara ringkas, di dalam Bab Pertama.
3. Definisi Ibadah, di dalam Bab Kedua.
4. Studi tentang erti doa dan zikir serta perkara-perkara yang berkaitan dengan kedua-duanya, seperti adab, cara, fa-dilat dan juga kepentingan kedua-dua bentuk ibadah ini , di dalam Bab Kedua.

#### c. Metode Wawancara

Metode wawancara atau "interview" ini mencakupi cara yang digunakan oleh seseorang untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden, secara bercakap-cakap dengannya.<sup>7</sup>

Wawancara yang penulis lakukan adalah untuk mendapatkan data tentang :-

1. Latar belakang tempat kajian, di dalam Bab pertama.

---

<sup>7</sup>Koentjaraningrat, op.cit., hal. 129

2. Amalan doa dan zikir di kalangan masyarakat Islam daerah Besut, di dalam Bab Kedua.
3. Sebab-sebab doa dan zikir diamalkan dan keberkesanan ibadah berkenaan, di dalam Bab Keempat.
4. Kepentingan ibadah doa dan zikir dalam kehidupan seharian di kalangan masyarakat Islam daerah Besut.
5. Kesinambungan amalan ibadah doa dan zikir dalam kehidupan berkeluarga di daerah Besut.

Penulis telah mengadakan wawancara-wawancara dengan orang-orang yang terlibat secara langsung dalam bidang sejarah, dan juga mereka yang mempunyai kepakaran tentang budaya masyarakat setempat di tempat kajian. Wawancara juga telah diadakan dengan mereka yang penulis fikirkan dapat memberikan pandangan dan pengalaman sebenar tentang pengamalan ibadah doa dan zikir ini. Maklumat yang diberikan adalah bergantung kepada apa yang sebenarnya mereka lakukan ataupun fikirkan, juga tentang hukum-hukum Islam dan tentang ibadah doa dan zikir, sebagaimana yang dikehendaki oleh agama dan syariat Islam. Penulis telah menemui siapa sahaja yang boleh memberikan maklumat, tanpa mengira pihak yang tertentu sahaja, memandangkan kajian yang

12  
dijalankan ini memerlukan maklumat yang datang dari analan sebenar yang dilakukan oleh keseluruhan penduduk daerah kajian.

#### d. Metod Observasi

Ia bererti cara pengumpulan data, dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian. Ini termasuk juga pengalaman penulis, yang dialami secara langsung, di dalam masalah yang mempunyai kaitannya dengan kajian yang dijalankan.<sup>8</sup>

Metod ini dikatakan satu metod yang baik untuk sesebuah kertas projek, sehingga ianya menjadi salah satu metod yang penting untuk mendapatkan data. Samaruddin bin Hejab dan Nazri bin Abdullah telah menyatakan :-

"Dalam pengkajian-pengkajian saintifik atau antropologi, cara pemerhatian atau observasi

---

<sup>8</sup> Abdul Halim Mat Diah, (Dr.), op.cit., hal.129.



ini amat berkesan sekali untuk melihat perkembangan dan juga perubahan yang berlaku ke atas perkara-perkara yang diperhatikan."<sup>9</sup>

Metod ini banyak digunakan oleh penulis untuk mendapatkan bahan bagi :-

1. Latarbelakang tempat kajian dan penghayatan Islam di kalangan penduduk di tempat kajian, di dalam Bab Pertama.
2. Aralan doa dan zikir di kalangan masyarakat Islam di daerah Besut, di dalam Bab Keempat.
3. Keberkesanan, kepentingan dan kesinambungan amalab doa dan zikir dalam kehidupan masyarakat Islam daerah kajian, juga di dalam Bab Keempat.

e.. Metod Soal selidik

Secara ringkasnya, penulis dapat memahami metod ini, bahawa

---

<sup>9</sup>Samaruddin Rejab dan Nazri Abdullah, Panduan Menulis Tesis, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Cetakan Kedua, 1985, hal.134

ia adalah proses mendapatkan data dari satu kelompok individu, dengan cara mengedarkan borang yang mengandungi soalan-soalan yang relevan dengan tajuk yang dikaji. Walau bagaimanapun, seorang penulis Indonesia telah menjelaskan metod ini sebagai :-

"Suatu penyelidikan mengenai suatu masalah yang umumnya banyak menyangkut kepentingan umum, yang dilakukan dengan mengedarkan daftar pertanyaan, untuk mendapatkan jawaban atau respon secara bertulis, seperlunya."<sup>10</sup>

Teknik ini dapat digunakan untuk memperolehi data yang luas dari kelompok orang atau anggota masyarakat yang ramai, beraneka ragam dan bertebaran tempat kediamannya.<sup>11</sup>

Metod yang menarik ini telah membantu penulis untuk mendapatkan buah fikiran dan juga pandangan serta pengalaman yang diberitahu secara ikhlas oleh beberapa orang penduduk di tempat kajian. Borang soal-selidik yang diedarkan itu adalah dibahagikan samarata untuk peringkat umur yang telah penulis tetapkan, secara sama banyak.

---

<sup>10</sup> Kartini Kartono (Dr.), Pengantar Metodologi Riset Sosial, Penerbit Alumni, Bandung, Indonesia, Cetakan Keempat, 1986, hal. 200

<sup>11</sup> ibid.

Metod ini penulis gunakan untuk memperolehi data-data penting bagi :-

1. Sebab-sebab doa dan zikir diamalkan, di dalam Bab Keempat.
2. Amalan doa dan zikir di kalangan masyarakat Islam daerah Besut, di dalam Bab Keempat.
3. Keberkesanan, kepentingan dan kesinambungan amalan doa dan zikir di kalangan masyarakat Islam di daerah Besut, juga di dalam Bab Keempat.

## 2. Metod Analisa / Penulisan

Setelah segala data dan maklumat dapat dikumpulkan melalui beberapa metod tersebut, penulis mula membuat pengolahan semula terhadap data-data berkenaan. Penulis juga menganalisa data-data ini dengan berdasarkan metod-metod yang berikut :-

- a. Metod Induktif
- b. Metod Deduktif
- c. Metod Komparatif

### a. Metode Induktif

Metode Induktif ini bererti satu cara menganalisa data, melalui pola pemikiran yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus, untuk sampai kepada satu dalil yang umum.<sup>12</sup>

Di dalam penulisan kertas projek ini, penulis telah memaparkan data-data yang bersifat khusus, kemudian penulis membuat beberapa kesimpulan yang bersifat umum.

Metode ini telah digunakan untuk menyiapkan bahagian-bahagian yang berikut :-

1. Definisi tajuk, di dalam Bab Pertama.
2. Pengertian ibadah, doa dan zikir, di dalam Bab Kedua.

### b. Metode Deduktif

Metode ini bermaksud, cara untuk menganalisa dan melakukan

---

<sup>12</sup>Inam Barnadib, op.cit., hal.52

penulisan, berdasarkan kepada pola berfikir dengan mencari pembuktian, yang berpijak kepada dalil-dalil umum, terhadap hal-hal yang khusus.<sup>13</sup>

Penggunaan metode ini boleh didapati di dalam bahagian-bahagian :-

1. Pengertian doa dan zikir, serta beberapa perkara yang berkaitan dengan kedua-duanya, di dalam Bab Kedua.
2. Di dalam laporan penyelidikan, di dalam Bab Keempat.

c. Metode Komparatif

Metode komparatif bermaksud cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi semasa membuat penelitian.<sup>14</sup>

Metode ini telah banyak penulis gunakan di dalam Bab Keempat,

---

<sup>13</sup> ibid.

<sup>14</sup> ibid.

78  
di mana penulis membandingkan di antara amalan-amalan berdo'a dan zikir yang dilakukan oleh masyarakat di tempat kajian, dengan apa yang dikehendaki oleh syariat Islam.

Demikianlah serba ringkas berkenaan dengan metodologi yang telah digunakan oleh penulis dalam usaha untuk menyiapkan kertas projek ini. Penulis bersyukur kerana telah dapat melaksanakan metodologi berkenaan dengan baik, walaupun menghadapi beberapa masalah yang memang tidak dapat dielakkan.